

Cerminan Pemakanan Sihat Dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif

(Healthy Diet Reflection in Tamil Proverbs: An Inquisitive Semantic Research)

Abstract. Healthy eating practices, especially those based on food pyramid, should be vividly followed in our daily diet. The food pyramid guide contains four main groups of food which are arranged accordingly to the quantity of nutrition recommended by the health expertise of the balanced, healthy and correct nutritional features. One of the most vital part of the food pyramid is green vegetables and fruits. They are a the second level of the aforementioned food group that is rich in vitamins, minerals and fibre. Implicitly, this healthy eating image was also transmitted into the creation of proverbs for example in Tamil proverbs. Healthy food images have been detected in the Tamil data collection collected through deep interviews with four Indian informants. A total of five Tamil proverbs have been screened using sampling mode, which is aimed to have the images of green vegetables and fruits such as “eggplant”, “cassava”, “water pumpkin” and more. They were detected in a total of 25 Tamil proverbs obtained from the informants. Further to that, this study will examine the implicit meaning of these proverbs using an incredibly inquisitive approach by Nor Hashimah Jalaluddin (2014) by associating the data, theory, cognitive and intellect of the speakers. With such information, researchers are able to look at the language, society and thoughts of the speaker.

Keywords: *Tamil proverbs, healthy eating habit, vegetables and fruits, linguistics, inquisitive semantics, the minds of the speaker*

Abstrak. Amalan pemakanan sihat khususnya yang berpandukan piramid makanan seharusnya diikuti dalam aktiviti pemakanan seharian kita. Melalui panduan piramid makanan ini mengandungi empat jenis atau kumpulan makanan yang disusun mengikut tingkat atau aras berdasarkan jumlah dan kuantiti pemakanan yang disyorkan oleh pihak kesihatan seluruh dunia bagi memenuhi ciri - ciri pemakanan yang seimbang, sihat dan betul. Salah-satunya ialah sayur-sayuran hijau dan buah-buahan yang berada pada aras dua sebagai kumpulan makanan yang kaya dengan zat vitamin, mineral dan serat. Secara implisitnya, imej pemakanan sihat ini turut dipancarkan dalam penciptaan peribahasa contohnya peribahasa Tamil sebagaimana kajian ini dijalankan. Imej pemakanan sihat telah dikesan dalam dapatan data peribahasa Tamil yang dikutip melalui temu bual mendalam terhadap empat orang informan yang berbangsa India. Sejumlah lima peribahasa Tamil telah disaring menggunakan pensampelan bertujuan mempunyai imej pemakanan sihat iaitu sayur-sayuran hijau dan buah-buahan seperti “terung”, “ubi kayu”, “labu air” telah dikesan dalam 25 data peribahasa Tamil yang diperoleh. Oleh itu, kajian ini akan meneliti makna implisit dalam peribahasa ini menggunakan pendekatan

semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dengan mengaitkan data, teori, kognitif dan akal budi penutur. Dengan adanya maklumat-maklumat sebegini pengkaji mampu melihat hubungan bahasa, masyarakat dan pemikiran seseorang itu.

Kata kunci: Peribahasa Tamil, amalan pemakanan sihat, sayur-sayuran dan buah-buahan, linguistik, semantik inkuisitif, akal budi penutur

Pendahuluan

"Di Negara Malaysia, ramai yang mati kerana makan manakala di Negara Indonesia ramai yang mati kerana tidak makan." (Rumadi 2017).

Melalui bait-bait kata ini telah menggambarkan kepentingan makanan dalam kehidupan seharian kita. Jika dilihat daripada konteks ayat di atas telah menggambarkan di negara kita Malaysia begitu kaya dengan kepelbagaian sumber makanan sama ada secara mentah mahupun yang telah diproses untuk tujuan pemakanan terus. Namun begitu, pemakanan akan mempengaruhi sistem tubuh badan kita sama ada secara sihat mahupun tidak. Oleh itu, pihak kesihatan seluruh dunia telah menggariskan empat klasifikasi makanan yang harus dijadikan panduan dalam pemakanan seharian kita seperti yang terdapat dalam gambar rajah 1.

Rajah 1: Panduan Piramid Makanan



Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada Rumadi (2017)

Bagi kajian ini, pengkaji akan memfokuskan dapatan data peribahasa Tamil yang merujuk kepada aras dua dalam piramid makanan ini iaitu buah-buahan dan sayur-sayuran. Makanan dalam kumpulan ini selalunya makan yang kaya dengan zat vitamin, mineral dan

serat. Menurut Rumadi (2017) makanan sebegini amatlah penting bagi melengkapkan fungsi - fungsi organ dan sistem tubuh badan. Ini termasuk sistem imunisasi (daya tahan) tubuh badan dan juga sebagai pelindung ataupun perangsang kepada sistem tubuh badan yang lain seperti sistem pencernaan dan sistem aliran darah dan banyak lagi sistem - sistem penting di dalam tubuh badan kita. Selain itu pengambilan makanan dalam kelas ini mampu membantu dalam melambatkan penuaan dan mencantikkan kulit. Makanan dalam kelas ini boleh diambil dalam jumlah yang banyak. Selain itu, pilihan pengambilan makanan dalam kelas ini boleh dipelbagaikan dalam setiap hidangan. Saiz hidangan yang disyorkan untuk makanan dalam kelas ini adalah sekurang - kurangnya lima sajian ataupun lebih.

Oleh itu, dapat kita melihat kewujudan peribahasa ini mendampingi pelbagai unsur alam sekeliling kita contohnya dalam pemakanan sihat juga dipancarkan sebagai sumber menyampaikan mesej dengan merujuk lambang yang mempunyai fungsi yang sama atau hampir sama dengan cara pemikiran yang hendak disampaikan oleh seseorang. Lambang tersebut dipetik daripada persekitaran sekeliling manusia supaya mudah dikaitkan. Hal ini selari dengan pandangan tokoh bahasa iaitu Omar (1993) yang mengatakan bahawa peribahasa merupakan hasil daripada tanggapan masyarakat terhadap persekitaran dan juga hasil pemahaman mereka terhadap alam nyata. Lambang bahasa ini dijadikan sebagai medium untuk merakam pengalaman dan fikiran mereka contohnya penciptaan peribahasa.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian mengenai amalan pemakanan sihat banyak dijalankan berdasarkan sudut sains kesihatan khususnya bagi memperlihatkan gelagat atau kelakuan manusia dalam memilih makanan seharian mereka contohnya kajian Ju et al (2010) yang memperlihatkan tahap pengetahuan pemakanan dan kesedaran kesihatan dalam kalangan pesakit diabetes di Klinik Kesihatan, Ceras, Kuala Lumpur. Kajian yang hampir sama seperti Ju et al (2010) yang telah dijalankan oleh Abdullah dan Ali (2011) dalam memperlihatkan amalan pemakanan dalam kalangan pelajar universiti dan implikasinya terhadap pembelajaran pelajar. Kajian sebegini terus dijalankan sama ada dalam negara mahupun di luar negara seperti kajian Krishnan dan Rahim (2014), Sadek, Koon dan Noor (2013), Rahman (2011), Drewnowski dan Eichelsdoerfer

(2010), Dugee (2009) serta Obrosova (2007), yang masing-masingnya memperlihatkan kesan pemakanan terhadap kehidupan manusia.

Namun begitu, kajian mereka Nopiah, Jalaluddin dan Kasdan (2018), yang begitu hampir dengan kajian sebelum tetapi, menggunakan data peribahasa Melayu sebagai sumber data kajian yang meneliti amalan pemakanan yang baik dalam peribahasa Melayu. Kajian ini bersifat kualitatif yang melibatkan data sekunder iaitu peribahasa Melayu yang diambil dari pangkalan data Malaycivilization UKM dan Kamus istimewa Peribahasa Melayu (1975). Pengkaji menggunakan pendekatan rangka rujuk silang (RRS) dan semantic inkuisitif dalam penganalisan data. Hasil kajian mendapati makanan berunsur panas memaparkan ciri-ciri 'panas' yang ditunjukkan melalui sifat negative seperti 'zalim', 'berpura-pura', dan kesakitan yang menjadi makna implisitnya. Secara keseluruhannya, pengkaji menjelaskan bahawa konsep dan ciri-ciri yang terdapat dalam makanan telah diserap dan diadaptasikan dalam bentuk komunikasi implisit terutamanya dalam penggunaan peribahasa.

Manakala, kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas yang menjadikan data peribahasa Tamil agak meluas kajiannya dan mencakupi pelbagai bidang contohnya semantik, sosiolinguistik dan juga terjemahan. Sebagai contoh kajian Ragavan dan Salleh (2015) yang telah membandingkan peribahasa Tamil dengan peribahasa Melayu sama ada secara persamaan mahupun perbezaan makna melalui aspek sosial. Manakala, kajian Beck (1979) pula memperlihatkan peribahasa Tamil yang mempunyai imej anggota tubuh badan dan titik penelitian kajian di Selatan India, namun kajian ini hanya mengumpulkan data peribahasa Tamil yang berasosiasi dengan anggota tubuh badan manusia serta makna harfiahnya sahaja. Kajian Geetha dan Kamatchi (2010) pula, merupakan kajian sosiolinguistik yang memperlihatkan pencampuran kod dan pertukaran kod dalam pertuturan seharian masyarakat India dalam menggunakan peribahasa Tamil dalam komunikasi mereka.

Walau bagaimanapun, usaha Murthy dan Subet (2018a, 2018b) serta Murthy, Subet dan Daud (2019a, 2019b) dalam kajian mereka telah menampakkan perkembangan kajian peribahasa Tamil di negara Malaysia. Malahan kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) yang sebelum ini hanyalah memfokuskan data peribahasa, pantun, cerita lipur lara, slanga Melayu sebagai data kajian

pengkaji yang lepas contohnya, Jalaluddin (2014a; 2014b; 2015), Zakaria dan Jalaluddin (2015), Kasdan dan Jalaluddin (2015), Wan Mansor dan Jalaluddin (2015; 2016), Kasdan, Jalaluddin dan Wan Ismail (2016), Daud (2017; 2018a; 2018b; 2018c) serta Daud dan Subet (2018). Oleh itu, kajian ini juga akan menggunakan data peribahasa Tamil sebagai sumber penganalisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) yang memfokuskan imej pemakanan sihat dalam domain sayur-sayuran dan buah-buahan.

Metode

Penyelidik telah memilih kaedah kualitatif untuk melaksanakan kajian ini. Hal ini demikian kerana, penyelidik hanya mampu mendapatkan makna implisit di sebalik penggunaan peribahasa melalui temu bual. Pengkaji telah menemu bual seramai 4 orang informan yang mempunyai ilmu berkaitan dengan bahasa Tamil. Penyelidik memilih 2 orang lelaki dan 2 orang perempuan untuk dijadikan informan bagi kajian ini. Ilmu berkaitan bahasa Tamil bermaksud seseorang yang boleh membaca dan menulis serta mampu bertutur dalam bahasa Tamil. Salah seorang informan merupakan orang tua yang berumur dalam lingkungan 80 tahun dan tiga orang lagi merupakan orang yang berpendidikan tinggi. Tiga orang tersebut merupakan guru di sebuah sekolah Tamil.

Penyelidik membuat keputusan untuk memilih seorang orang tua dan tiga orang yang berpendidikan tinggi kerana untuk membezakan nilai kefahaman mereka terhadap peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan serta mendapat data yang sah. Hal ini dapat memudahkan penyelidik melakukan temu bual kerana jika mengikut norma sepenuhnya. Pensampelan ini menggunakan pemilihan secara NORF yang merujuk kepada *Non Mobile, Old, Remote dan Female*. Menurut Ong, Suri & Aman (2016) dalam (Daud, Wahid, Gedat, 2017, 2018; Razali, Deli, Daud, 2018; Wahid dan Daud, 2018), pemilihan informan berdasarkan ciri-ciri NORF lebih sesuai di Malaysia berbanding NORM namun begitu, pengkaji turut menggunakan pemilihan informan secara NORM iaitu *Non-mobile* (tinggal tetap), *Older* (tua), *Rural* (luar bandar), *Male* (lelaki). Selain itu, penyelidik juga menggunakan dua buah buku peribahasa dan mengambil beberapa contoh peribahasa yang serupa dengan data yang didapati untuk melihat maksud yang terkandung dalam buku tersebut serta dijadikan sebagai rujukan sahaja.

Penyelidik mendapatkan segala data hasil daripada temu bual serta dua buah buku peribahasa Tamil pula digunakan sebagai rujukan. Segala data yang dirakam disimpan dengan rapi bagi menjaga kesahihan data tersebut.

Pendekatan Semantik Inkuisitif

Semantik inkuisitif merupakan satu pendekatan yang mengaitkan bahasa, budaya, kognitif serta akal budi. Selain itu, pendekatan tahap ini menumpukan kepada persoalan mengapa sesuatu pola bahasa diguna pakai sehingga boleh menjawab falsafah penggunaannya. Malah, semantik inkuisitif ini menggunakan data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penutur. Semantik inkuisitif ini dapat mencungkil makna-makna tersirat secara lebih mendalam serta tidak terhenti di peringkat kognitif sahaja malah lebih daripada itu. Pencungkilan makna tersirat mampu menggabungkan pemahaman kita terhadap falsafah dan seterusnya membantu meneroka akal budi penutur. Lebih-lebih lagi, perasaan ingin tahu itu sendiri mampu membawa kita kepada alam penerokaan sesuatu perkara (Jalaluddin, 2014a). Contohnya, dalam peribahasa Melayu terdapat peribahasa seperti “bagai pinang dibelah dua”. Perasaan ingin tahu itu membantu menimbulkan persoalan kenapa pinang itu digunakan meskipun terdapat banyak lagi tumbuhan. Pengkaji akan mula mencari makna sebenar yang ingin disampaikan. Mengikut Hassan (2005) dalam kamus simpulan bahasa menjelaskan bahawa akal budi ialah fikiran yang sihat. Selain itu, kajian tentang semantik inkuisitif juga pernah dilakukan iaitu inkuisitif terhadap lirik lagu ‘bangau oh bangau’. Lirik yang membawa maksud menyalahi orang lain dikaji dari segi semantik inkuisitif sehingga mendapat jawapan ‘kenapa’ hingga terbongkarnya rahsia pemikiran orang Melayu. Semantik inkuisitif ini juga mampu membuktikan makna khusus dan makna tidak khusus dalam bahasa Melayu (Jalaluddin, 2014b). Malah semantik inkuisitif ini diperluas kepada beberapa sub-bidang seperti semantik inkuisitif aspek tatabahasa, metafora dan semantik inkuisitif merentas kehidupan. Secara keseluruhan bidang semantik inkuisitif ini menyebabkan seseorang itu berfikir dan menghidupkan sikap rasa ingin tahu dalam sanubari orang tersebut. Oleh hal yang demikian, penyelidik telah mengaplikasikan

pendekatan semantik inkuisitif ini untuk mencari jawapan bagi setiap makna peribahasa yang ingin disampaikan oleh masyarakat India.

Analisis dan Perbincangan

Pada bahagian ini pengkaji akan menganalisis peribahasa Tamil menggunakan pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin yang diperkenalkan pada tahun 2014.

Analisis Semantik Inkuisitif Imej ‘Sayur’ Dalam Peribahasa Tamil

Terdapat hanya 1 sahaja bagi peribahasa yang mengandungi imej tumbuhan sayur daripada 25 data yang dikutip. Berikut merupakan analisis penuh bagi data tersebut. Jadual 1 merupakan proses kognitif peribahasa Tamil berimej “sayur”.

Jadual 1. Contoh peribahasa Tamil berimej “sayur” berserta rujukannya

Peribahasa Tamil	Makna	Imej	Terjemahan	Nama saintifik
	Mudah	Pemakanan	n BM	
Data 1: சமைத்தகீரைமுளைக்காது.	Seseorang itu tidak boleh mengungki	<i>Keerai</i>	Sayur	-
Transkripsi Rumi: Semaitha keerai mulaikuma.	t perkara yang telah lama berlalu.			

Makna harfiah bagi peribahasa ini ialah, sayur (*keerai*) yang telah dimasak tidak akan sama sekali tumbuh semula. Masyarakat India selalunya menggunakan unsur-unsur alam disekeliling mereka untuk mencipta sesuatu peribahasa sama seperti peribahasa ‘*semaitha keerai mulaikuma*’. Peribahasa ini sebenarnya berbentuk persoalan. Mengapakah masyarakat memilih sayur (*keerai*)? Hal ini disebabkan pada zaman dahulu iaitu ketika masyarakat India begitu aktif dalam bidang pertanian, mereka amat mementingkan kesihatan mereka. Mereka lebih gemar memakan segala jenis sayuran yang mampu memberi khasiat kepada badan. Malah mereka

mengatakan bahawa segala sayur (*kerai*) yang berwarna hijau adalah sejenis '*chlorophyll*' yang mampu menjamin kesihatan seseorang.

Di samping itu, pada ketika dahulu, masyarakat India rajin menanam segala jenis sayur-sayuran (*keerai*) untuk dimakan serta menjual hasil yang berlebihan. Mereka melakukan tanaman sayuran (*keerai*) kerana mereka tahu akan kepentingan serta kebaikan sayur (*keerai*) kepada badan manusia. Masyarakat India juga dikatakan sebagai masyarakat yang begitu mementingkan pemakanan mereka sehingga mengkategorikan makanan kepada dua iaitu makanan yang halal dan juga makanan yang tidak halal. Jika dilihat dengan teliti, sayur (*keerai*) yang telah dimasak sudah pasti tidak akan tumbuh semula. Hal ini dikaitkan dengan manusia. Seseorang itu dinasihatkan agar tidak mengungkit perkara-perkra yang telah lama berlaku kerana apabila isu lama diungkitkan semula, ia tidak akan membawa sebarang perubahan kepada kehidupan yang sedang dijalani sekarang malah akan menimbulkan persengketaan antara satu sama lain.

Oleh hal yang demikian, masyarakat ingin mengaitkan keadaan sayur (*keerai*) yang telah mati setelah dimasak dengan keadaan apabila seseorang mempunyai perselisihan faham dengan seseorang. Mereka memegang teguh pada satu konsep yang sama seperti digunakan oleh orang Inggeris iaitu '*the past is past*'. Melalui peribahasa ini, dapat disimpulkan bahawa masyarakat terlalu mementingkan musyawarah antara masyarakat agar hidup aman dan damai tanpa sebarang perselisihan faham di samping menyetuh budaya masyarakat India yang mendahulukan integrasi kaum.

Analisis Semantik Inkuisitif Imej 'Terung' Dalam Peribahasa Tamil

Terdapat satu peribahasa yang mengandungi imej tumbuhan terung daripada 25 data yang dikutip. Berikut merupakan analisis penuh bagi peribahasa tersebut. Jadual 2 merupakan proses kognitif peribahasa Tamil berimej "terung".

Jadual 2. Contoh peribahasa Tamil berimej "terung" berserta rujukannya

Peribahasa Tamil	Mak	Imej	Terj	Nama
	na Mudah	Pemakanan	emahan BM	saintifik

Data 2:

கத்தரிக்காய்முத்தி	Wal				
னால், கடைதெருவுக்கு	aupun				
வந்துதானே	seseorang	Kath	Ter	Solanum	
ஆகவேண்டும்.	itu	licik arikay	ung	melongena	
	orangnya,				
Transkripsi	Rumi:	ada kalanya			
Katharikay	mutrinaal	kadai	orang		
therevuku	vanthu	thane	tersebut		
aaganum.			melakukan		
			kesilapan.		

Jika dilihat peribahasa ini secara harfiah, ia membawa bermakna terung (*katharikay*) yang matang sudah pasti akan sampai ke kedai juga. Selain daripada itu, jika melihat makna implisitnya pula, ia membawa makna yang lebih mendalam. Peribahasa ini bermakna seseorang yang bijak pandai juga boleh melakukan kesilapan atau seseorang yang menipu dan melakukan kejahatan sudah pasti akan tertangkap juga pada suatu hari. Jika dilihat dengan teliti, peribahasa ini mempunyai persamaan dengan peribahasa Melayu iaitu 'sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua'.

Mengapakah imej tumbuhan terung (*katharikay*) digunakan? Hal ini perlu dilihat dari segi budaya, pekerjaan masyarakat India serta cara hidup mereka. Masyarakat India dikelaskan sebagai masyarakat yang aktif dalam bidang pertanian mereka menanam pelbagai jenis tanaman untuk menyara diri sendiri serta untuk dijual. Menurut ketiga-tiga responden, masyarakat India dikatakan amat menyukai tumbuhan terung (*katharikay*) sehingga digunakan dalam masakan kari sejak zaman dahulu sehingga kini. Mereka ingin menceritakan bahawa apabila terung (*katharikay*) itu muda lagi dan belum masak sepenuhnya, ia tidak akan dipetik manakala apabila sudah matang, ia akan dipetik dan dihantar ke kedai untuk dijual.

Hal ini kerana, jika dibiarkan terung (*katharikay*) itu tanpa dipetik, ia akan rosak atau dimakan haiwan lain. Oleh hal yang demikian, masyarakat India ingin mengaitkan keadaan

terung (*katharikay*) dengan falsafah kehidupan kita. Apabila seseorang itu baru mula melakukan kejahatan, berkemungkinan orang tersebut tidak akan tertangkap sama seperti terung yang belum masak yang tidak dipetik lagi. Namun demikian, apa waktunya orang tersebut akan tertangkap juga suatu hari sama seperti terung (*katharikay*) yang sudah masak akan sampai ke kedai juga.

Analisis Semantik Inkuisitif Imej 'Ubi Kayu' Dalam Peribahasa Tamil

Terdapat satu peribahasa yang menggunakan imej tumbuhan ubi kayu daripada 25 data yang dikutip. Berikut merupakan analisis penuh bagi peribahasa tersebut. Jadual 3 merupakan proses kognitif peribahasa Tamil berimej "ubi kayu".

Jadual 3. Contoh peribahasa Tamil berimej "ubi kayu" berserta rujukannya

Peribahasa Tamil	Makna	Imej	Terjemahan	Nama saintifik
	Mudah	Pemakanan	BM	
Data 3: கோரைகிழங்கும்ஓ ருவேளைபசிக்குஉதவும். Transkripsi Rumi: Korai kilangum ore velai pasikku uthavum.	Seseorang itu tidak boleh terlalu menuntut (demand) terhadap sesuatu pada ketika dalam keadaan terdesak.	<i>Korai</i> <i>kilangum</i>	Ubi Kayu	<i>Manihot esculenta</i>

Peribahasa ini agak sama dengan peribahasa 'Arukumpullum aabathuku uthavum' tetapi apa yang membezakannya ialah makna peribahasa. Peribahasa 'Arukumpullum aabathuku uthavum' memberi penekanan terhadap kebendaan, peribahasa ini pula lebih menumpukan kepada desakan hidup ketika tiada makanan. Jika dilihat dari aspek makna harfiah, peribahasa ini bermakna, ubi (*korai kilangu*) juga akan berguna untuk menghilangkan kelaparan untuk

sekurang-kurangnya satu waktu. Makna tersiratnya pula ialah, menasihati bahawa kita tidak sesekali boleh terlalu menuntut (*demand*) terhadap makanan dalam keadaan terdesak walaupun kita tidak menyukai makanan tersebut. Peribahasa ini dicipta bukan sahaja untuk memberi nasihat agar tidak terlalu menuntut (*demand*) malah untuk menunjukkan bahawa ada banyak lagi orang yang mengalami kebuluran dan tidak mendapat makanan yang kita dapat itu.

Imej tumbuhan ubi (*korai kilangu*) digunakan kerana penggunaannya pada ketika itu amat meluas sehingga ke negara kita. Masyarakat India sememangnya terkenal dengan pertanian mereka dan nasi merupakan makanan utama mereka. Namun apabila sudah habisnya musim padi, mereka tidak akan mendapat beras itu walaupun sedikit. Pada ketika itulah, ubi (*korai kilangu*) ini akan dimakan untuk menggantikan nasi. Mereka terpaksa makan ubi (*korai kilangu*) kerana jika tidak mereka akan mati kebuluran. Setelah habisnya musim padi ini, masyarakat dikatakan akan mengalami kesusahan kerana tiada hasil untuk dijadikan makanan. Hal ini amat dipersetujui oleh ketiga-tiga informan.

Balik kepada konteks pertanian, sekiranya masyarakat yang miskin itu terlalu menuntut (*demand*) untuk makan nasi, maka sudah semestinya mereka akan mati kerana musim padi (*nel*) sudah pun habis. Miskin di sini bukan dari segi kewangan tetapi dari segi penyimpanan makanan untuk menyara diri. Seseengah orang daripaa mereka akan menyimpan beras yang didapati setelah habis pesta menuai agar dapat digunakan setelah tamatnya musim padi (*nel*). Namun bukan semua orang yang melalukan perkara ini. Orang yang tidak menyimpan beras (*arisi*) itu terpaksa memakan ubi (*korai kilangu*) untuk menggantikan nasi. Jika dilihat dari perspektif Malaysia, masyarakat Melayu serta India juga dikatakan menjadikan ubi (*kolai kilangu*) sebagai makanan utama ketika sekatan ekonomi dikenakan pada negara kita iaitu pada zaman penjajahan British dahulu. Oleh itu, sudah jelas lagi terbukti bahawa ubi (*korai kilangu*) itu dijadikan sebagai makanan utama untuk meneruskan hidup.

Oleh hal demikian, berdasarkan pengalaman hidup dan budaya mereka itulah, masyarakat India menggunakan imej tumbuhan (*korai kilangu*) untuk menceritakan kepada kita kesusahan untuk mendapatkan makanan pada zaman dahulu serta untuk menasihati kita agar tidak membazir makanan di samping tidak menuntut (*demand*) makanan.

Analisis Semantik Inkuisitif Imej 'Labu Air' Dalam Peribahasa Tamil

Terdapat satu peribahasa yang menggunakan imej tumbuhan labu air daripada 25 data yang dikutip. Berikut merupakan analisis lengkap peribahasa tersebut. Jadual 4 merupakan proses kognitif peribahasa Tamil berimej "labu air".

Jadual 4. Contoh peribahasa Tamil berimej "labu air" berserta rujukannya

Peribahasa Tamil	Makna	Imej	Terjemahan	Nama
	Mudah	Pemakanan	BM	saintifik
Data 4:	Sese			
ஏட்டுசுரைக்காய், கறிக்குஉதவாது	orang harus mempunyai daya usaha	<i>Suraikkaay</i>	Labu Air	<i>Lagenaria siceraria</i>
Transkripsi Eattu suraikkaay uthavaathu.	Rumi: karikku			
	sendiri untuk melakukan sesuatu dan bukannya hanya berada dalam alam mimpi.			

'*Eattu suraikkaay karikku uthavaathu*' merupakan satu lagi peribahasa yang digunakan oleh masyarakat India. Peribahasa ini sebenarnya sudah mengalami penyempitan makna bagi perkataan kertas (*eattu*). Terdapat juga beberapa versi dalam peribahasa ini. Berikut merupakan versi-versi tersebut.

Versi pertama: *Oaddu suraikkaay karikku uthavaathu.*

Versi kedua: *Kadhu suraikkaay karikku uthavaathu.*

Versi yang telah mengalami penyempitan makna: *Eattu suraikkaay karikku uthavaathu.*

Jika dilihat dengan teliti, hanya perkataan di hadapan sahaja di tukar bagi peribahasa tersebut. Perkataan *oaddu* bermakna kulit atau kepala buah tersebut, *kadhu* bermakna hutan manakala *eattu* bermakna kertas. Kulit labu air (*oaddu suraikkaay*) tidak akan berguna untuk masakan kari merupakan makna harfiah bagi peribahasa tersebut.

Namun demikian, ketiga-tiga peribahasa ini membawa makna implisit yang sama iaitu berkaitan usaha seseorang. Orang India berpendapat bahawa, seseorang individu atau sekumpulan individu harus berusaha sedaya upaya untuk melakukan sesuatu dan bukannya hanya berada dalam keadaan mimpi yang tidak akan membawa sebarang perubahan dalam hidup.

Peribahasa '*oaddu suraikkaay karikku uthavaathu*' merupakan peribahasa yang asal. Peribahasa tersebut diubah suai setelah peredaran zaman. Kenapa kulit (*oaddu*) dan kenapa pula labu air (*suraikkaay*) digunakan? Menurut Komathi (2016), berdasarkan akal budi serta falsafah hidup masyarakat India mereka memilih labu air kerana kegunaannya yang pelbagai. Kulit (*oaddu*) labu air (*suraikkay*) itu dikeringkan dan digunakan sebagai pelampung sekiranya masyarakat India dahulu ingin turun ke dalam perigi terutamanya untuk mengajar anak-anak kecil untuk berenang. Menurut informan tersebut, masyarakat India akan mengikat kulit (*oaddu*) labu air (*suraikkaay*) yang dijemur di bawah pancaran matahari beberapa hari supaya benar-benar kering itu pada badan anak-anak mereka dan mengajar mereka berenang dalam perigi. Kulit (*oaddu*) labu air (*suraikkaay*) dikatakan mempunyai kelebihan yang begitu unik iaitu boleh terapung dalam air.

Walau bagaimanapun, kulit (*oaddu*) labu air (*suraikkaay*) yang mempunyai keunikan itu tidak berguna untuk masakan. Selain itu, labu air (*suraikkaay*) juga digunakan sebagai masakan dalam perubatan tradisional. Hal ini demikian kerana, labu air (*suraikkaay*) ini dikatakan dapat mengempiskan perut jika dimakan secara berkala. Dengan yang demikian kajian ini mendapati bahawa masyarakat India menyatakan bahawa kulit (*oaddu*) labu air (*suraikkaay*) itu mempunyai kelebihan yang tersendiri. Kelebihan ini hanya akan dapat dilihat apabila seseorang itu berusaha untuk mencarinya dan tidak hanya bermimpi akan benda yang negatif. Begitulah hal dengan peribahasa tersebut. Jika seseorang itu hanya memikirkan bahawa kulit (*oaddu*) labu air

(*suraiikkaay*) tidak akan berguna untuk masakan, keunikan, kelebihan dan kegunaan lain yang dimiliki oleh kulit (*oaddu*) labu air (*suraiikkaay*) tidak akan diketahui sehingga dicari.

Analisis Semantik Inkuisitif Imej 'Buah' Dalam Peribahasa Tamil

Terdapat satu sahaja peribahasa yang mengandungi imej tumbuhan buah daripada 25 data yang dikutip. Berikut merupakan analisis penuh peribahasa tersebut. Jadual 5 merupakan proses kognitif peribahasa Tamil berimej "buah".

Jadual 5. Contoh peribahasa Tamil berimej "buah" berserta rujukannya

Peribahasa Tamil	Makna	Imej	Terjemahan	Nama saintifik
	Mudah	Pemakanan	BM	
Data 5:				
பழம்நலுவிபாலில்/ பாகில்விழுவதுபோல.	Mendapat keuntungan tanpa dijangka.	<i>Pazham</i>	Buah	-
Transkripsi Pazham	Rumi: naluvi paalil			
viluvathu pola.				

Peribahasa '*pazham naluvi paalil viluvathu pola*' bermaksud bagai buah yang lazat jatuh ke dalam susu yang segar. Peribahasa ini menjelaskan bahawa mendapat sesuatu keuntungan, berita yang baik tanpa dijangka oleh seseorang dalam hidup mereka. Peribahasa ini terdapat juga dalam bahasa Melayu yang berbunyi 'bagai bulan jatuh ke riba'. Peribahasa dan maksudnya adalah sama seperti peribahasa Tamil tetapi yang membezakannya ialah penggunaan imej tumbuhan dan penggunaan imej alam. Dalam peribahasa Tamil, mereka mencipta peribahasa ini dengan menggunakan imej tumbuhan seperti buah (*pazham*) manakala dalam bahasa Melayu pula, mereka menggunakan imej alam seperti bulan.

Peribahasa ini pada asalnya berbunyi seperti "*pazham naluvi paagil viluvathu pola*". Perkataan '*paagil*' bermakna gula perang yang dipanaskan dan dicairkan. Kepekatan gula

perang yang dipanaskan itu dipanggil '*paagu*'. Namun demikian setelah peredaran zaman masyarakat lebih gemar menggunakan perkataan susu (*paal*) untuk menggantikan gula pekat (*paagu*). Kenapa buah (*pazham*) digunakan? Hal ini bersangkutan paut dengan cara pemakanan orang India pada ketika dahulu. Menurut ketiga-tiga informan, masyarakat India mempunyai satu sikap yang juga mempunyai kaitan dengan budaya mereka iaitu memakan buah dan meminum susu sebelum tidur. Malah buah-buahan dimakan oleh pasangan suami isteri ketika tradisi malam pertama sebagai satu tanda memulakan hidup dengan cara yang manis. Malah orang India akan memilih buah-buahan yang manis rasanya. Buah yang masam jarang dimakan orang masyarakat India pada ketika dahulu. Kebanyakan buah yang mereka pilih adalah manis rasanya. Kemanisaan itu dikaitkan dengan kebaikan dalam hidup seseorang oleh masyarakat India. Selain itu, susu (*paal*) pula juga dikatakan sebagai satu minuman kegemaran masyarakat India yang sedap rasanya.

Di samping itu, apabila dikaji dengan lebih teliti, peribahasa ini sendiri memberi definisi makna kepada para pembaca. Buah (*pazham*) yang jatuh ke dalam gula pekat (*paagu*), kemanisan buah itu akan bertambah. Selain itu, apabila melihat peribahasa yang menggunakan susu (*paal*) untuk menggantikan gula pekat (*paagu*), kita dapat melihat bahawa apabila buah (*pazham*) yang manis jatuh ke dalam susu (*paal*) sudah semestinya buah itu akan menjadi lebih manis dan sedap dimakan. Rasa manis itu sendiri disifatkan sebagai suatu yang positif dalam kalangan masyarakat India. Oleh sebab itulah, masyarakat India menggunakan dua perkara yang manis rasanya untuk menceritakan seseorang itu mendapat keuntungan demi keuntungan tanpa diduga.

Kesimpulan

Makna yang dikemukakan secara tersirat mempunyai kaitan dengan budaya, konteks penggunaan, pengalaman serta persekitaran, emosi, pendidikan dan pandangan tentang dunia (Subet & Daud, 2016, 2017, 2018) seperti mana penciptaan peribahasa ini yang sangat berkaitan dengan elemen tersebut. Kajian ini membuktikan bahawa masyarakat India sememangnya menjadikan amalan pemakanan sihat itu sebagai satu wahana yang peting dalam hidup mereka sehingga mereka menggunakan imej- imej tumbuhan tersebut dalam penciptaan peribahasa

Tamil. Di samping itu, kajian ini juga membuktikan bahawa setiap peribahasa tersebut mempunyai kaitan dengan kognitif serta falsafah hidup masyarakat India. Kajian ini juga membuktikan bahawa setiap peribahasa yang digunakan mempunyai makna implisit atau makna di sebalik peribahasa tersebut yang begitu mendalam sifatnya. Tambahan juga, perkara sebegini telah menunjukkan keintelektualan akal budi masyarakat yang menggunakan bahasa berkias seperti peribahasa dengan melibatkan imej tumbuhan contohnya sehingga dapat diasosiasikannya dalam keperibadian manusia (Daud, Wahap & Lokman, 2018).

Kepustakaan

- Abdullah, M. A., & Ali, N. (2011). Amalan pemakanan dalam kalangan pelajar universiti dan implikasinya terhadap pembelajaran. *Jurnal Personalia Pelajar*, (14), 59-68.
- Beck, B. E. (1979). Body Imagery in the Tamil Proverbs of South India. *Western Folklore*, 21-41.
- Daud, M. Z. (2017). *Slanga Kedai Kopi: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. Tesis sarjana muda. Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia. doi:10.31229/osf.io/upt8j
- Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z. (2018c). Pengaplikasian Kerangka Semantik Inkuisitif Melalui Slanga. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3).
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2018). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 16(2).
- Daud, M. Z., Abd Wahid, M. S. N., & Gedat, R. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87-105.

- Daud, M. Z., Abd Wahid, M. S. N., & Gedat, R. (2018). Penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 8(1), 27-40.
- Daud, M.Z., Wahap, N. H., & Lokman, M. N. (2018). Analisis semiotik peribahasa Banjar bersumberkan ular (serpentes). *MALTESAS Multi- Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 1-7.
- Drewnowski, A., & Eichelsdoerfer, P. (2010). Can low-income Americans afford a healthy diet?. *Nutrition today*, 44(6), 246.
- Dugee, O. (2009). *Dietary Patterns and Obesity Risk Among Adults in Mongolia* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Geetha, V., & Kamatchi, B. (2010). Code Mixing and Code Switching in Tamil Proverbs. *Language in India*, 10(5).
- Jalaluddin, N. H. (2014a). *Semantik dan akal budi Melayu*. Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin, N. H. (2014b). *Pemugaran penyelidikan untuk pemeraksanaan bahasa*. Diperolehi daripada Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia website: http://eseminar.dbp.gov.my/ceramah_hnj/ kertas_kerja_norhashimah_jalaluddin.
- Jalaluddin, N. H. (2015). Peribahasa 'Parasit' dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. In *Seminar Bahasa dan Sastera 2015* (pp. 281-293). Bangi: Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ju, L. C., Shahr, S., Yahya, H. M., CHing, T. S., Nor, N. S. M., CHuo, L. H., & Mukhsan, N. (2010). Tahap Pengetahuan Pemakanan dan Kesedaran Kesihatan di Kalangan Pesakit Diabetes Mellitus di Klinik Kesihatan, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia. *Sains Malaysiana*, 39(3), 505-511.
- Kasdan, J., & Jalaluddin, N. H. (2015). Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. In *Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur*

(pp. 1-20). Kuala Lumpur: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kasdan, J., Jalaluddin, N. H., & Wan Ismail, W. N. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 31-41.

Krishnan, M., & Rahim, S. A. (2014). Hubungkait komunikasi kesihatan dengan kesan hirarki isu kesihatan terhadap perubahan amalan gaya hidup sihat. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 30(1).

Murthy, T., & Subet, M. F. (2018a). Imej Rumput dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1), 37-56.

Murthy, T., & Subet, M. F. (2018b). Imej Tebu dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research (TUR)*, 1(1), f24- 29

Murthy, T., & Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019a). Peribahasa Tamil Berimej Lada Hitam Sebagai Tradisi Lisan: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of Creative Future and Heritage (IJCFH)*, 7(1).

Murthy, T., & Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019b) Kajian semantik inkuisitif dalam Peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 73-80.

Obrosova, I. G., Ilnytska, O., Lyzogubov, V. V., Pavlov, I. A., Mashtalir, N., Nadler, J. L., & Drel, V. R. (2007). High-Fat Diet–Induced Neuropathy of Pre-Diabetes and Obesity: Effects of “Healthy” Diet and Aldose Reductase Inhibition. *Diabetes*, 56(10), 2598-2608

Omar, A. H. (1993). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahman, M. S. (2011). Food and Nutrition: Links and gaps between tradition and evidence based science. *Revelation and Science*, 1(01).

- Ramudi, A. (2017). Amalan pemakanan yang sihat dengan panduan piramid makanan [Web log post]. Retrieved from <http://azlanrumadi.blogspot.com/2017/01/amalan-pemakanan-yang-sihat-dengan.html>
- Razali, N. F. S. M., Deli, R. M., & Daud, M. Z. (2018). Asas Fonem Konsonan Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 8-24.
- Sedek, R., KOON, P., & Noor, M. I. (2013). Pengetahuan pemakanan dan pengambilan suplemen dalam kalangan anggota Tentera Laut Diraja Malaysia. *Sains Malaysiana*, 42(8), 1181-1190.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2016). "Giler" atau "Gile": Slanga Kata Penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306. doi:10.17605/OSF.IO/ZSFBH
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2017). *Semantik dan Makna Konotasi dalam Slanga Pelacur*. Paper presented at The International Conference on Language Studies 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel). Retrieved from <https://doi.org/10.17605/OSF.IO/6ZMR7>
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2018). Makna denotatif dan konotatif dalam slang pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29-43.
- Wahid, M. S. N. A., & Daud, M. Z. (2018). Individu dan Pemilihan Dialek: Kajian Kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3).
- Wan Mansor, N.A., & Jalaluddin, N. H. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Journal Pertanika Mahawangsa*, 2(1), 1-16.
- Wan Mansor, N.A., & Jalaluddin, N. H. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 189-206.
- Zakaria, S., & Jalaluddin N. H. (2016). Konsep ruang dalam Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. *Gema: Online Journal of Language Studies*, 16(3), 187-204.